

Persaingan Kerusi Marginal Dalam Pilihan Raya Malaysia: Kajian Kes PRN Johor 2022

The Contest for the Marginal Seats in Malaysia's Elections: A Case Study of the 2022 Johor State Election

Ariff Aizuddin Azlan¹ & Muhamad Nadzri Mohamed Noor²

¹ Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia;

² Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia;

Article progress

Received: 4 January 2024

Accepted: 8 March 2024

Published: 31 May 2024

*Corresponding author:

Ariff Aizuddin Azlan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia;

Email:

ariffaizuddin@uitm.edu.my

Abstrak: Sejak Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU 2008), persaingan pilihan raya di Malaysia menjadi semakin sengit. Di saat gabungan parti pemerintah, Barisan Nasional (BN) mencatatkan penurunan populariti yang agak jelas sehingga PRU 2018, pakatan atau parti-parti pembangkang pula mencatatkan penambahan sokongan dari masa ke semasa. Dari sudut kewilayahan, terdapat corak yang ketara di mana BN dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) kelihatan popular di luar bandar dengan menjadikan isu Melayu-Islam sebagai instrumen untuk mengukuhkan sokongan politik di peringkat akar umbi, manakala Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di kawasan bandar dan pinggirannya dilihat menggunakan pendekatan berbentuk tadbir urus baik. Namun, di sebalik transisi dan perpecahan politik yang berlaku, muncul kawasan-kawasan pilihan raya yang sengit dengan majoriti yang rendah dan semakin banyak dalam kalangan para pemenangnya. Malah, kawasan-kawasan ini dianggap sebagai penentu kemenangan kepada mana-mana pilihan raya di Malaysia, baik di peringkat negeri mahu pun persekutuan. Walau bagaimanapun, fenomena ini masih kurang perhatian sarjana sains politik Malaysia, di sebalik signifikan dalam politik negara. Bertitik-tolak daripada premis ini, penulisan ini dihasilkan dengan menggunakan kerangka analitikal kerusi marginal dan kajian lapangan. Situasi Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor 2022 dijadikan kajian kes dalam meneroka dan menjelaskan fenomena ini.

Kata kunci: Barisan Nasional, Kerusi Marginal, Pakatan Harapan, Perikatan Nasional, Pilihan Raya Negeri Johor 2022;

Abstract: Since the 12th General Election (GE 2008), electoral competition in Malaysia has become increasingly dynamic. At the time of the ruling party coalition, Barisan Nasional (BN) recorded a clear decline in popularity until the 2018 general election, when the coalition or opposition parties recorded an increase in support over time. From a regional point of view, there is a significant pattern where BN and Parti Islam Se-Malaysia (PAS) remained popular in rural areas by using Malay-Islam issues as an instrument to strengthen political support at the grassroots level, while the Democratic Action Party (DAP) and the Parti KeADILan Rakyat (PKR) in urban areas and its suburbs were heavily engaged in the good governance approach. However, despite the transition and political division that took place, there are fierce electoral districts with low majorities and more among the winners. These areas are considered to be decisive for any

election in Malaysia later this year, both at the state and federal levels. However, this phenomenon is still under-researched and covered in the Malaysian political science corpus, despite its significance in national politics. Based on this premise, this study is based on the analytical framework of marginal seats and field studies. Therefore, the phenomenon of the Johor 2020 State Election is positioned as a case study in exploring and explaining this dynamic.

Keywords: Barisan Nasional, Johor State Election 2020, Marginal Seats, Pakatan Harapan, Perikatan Nasional;

Pengenalan

Keputusan PRU-14 yang berlangsung pada Mei 2018 telah mengubah landskap politik Malaysia dengan drastik apabila kerajaan Barisan Nasional (BN) buat pertama kali telah ditumbangkan di peringkat persekutuan dan kehilangan penguasaan di kebanyakan. Kebanyakan pemerhati mengandaikan bahawa BN mampu untuk mendominasi PRU-14 namun sangkaan tersebut ternyata berlawanan dengan realiti sebenar apabila pengundi memberikan mandat secara langsung kepada gabungan parti Pakatan Harapan (PH). Walaupun terdapat spekulasi bahawa implikasi PRU-14 bakal mencetuskan ketegangan sosio-politik namun pada akhirnya suasana dapat dikawal sebaik mungkin dan BN yang diketuai oleh United Malays National Organization (UMNO) mula akur dengan keputusan politik yang disepakati oleh majoriti pengundi. Pada Januari 2022, Malaysia dilanda ujian politik apabila barisan pimpinan kerajaan negeri Johor yang diketuai oleh Menteri Besar Hasni Mohammad mendapat perkenan dari pihak Istana bagi tujuan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) dan seterusnya membawa kepada pilihan raya negeri (PRN) Johor yang diadakan pada bulan Mac 2022. Namun seperti yang dihujahkan oleh Naib Presiden UMNO Mohamed Khaled Nordin bahawa ia merupakan satu bentuk tanggungjawab yang tidak boleh dielakkan dan PRN Johor ini mesti diadakan di atas justifikasi bahawa mandat untuk memerintah Johor perlu dikembalikan semula kepada rakyat (Malaysiakini, 2022a).

Kajian ini berhujah bahawa kerusi marginal merupakan penyumbang utama kepada pengukuhan dan kemenangan Barisan Nasional (BN) di dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang diadakan pada 16 Mac 2022. Disebabkan Malaysia mengguna pakai sistem pilihan raya *First-Past-The-Post* (FPTP) di mana calon yang bertanding akan dikira sebagai pemenang dengan hanya kelebihan walau satu undi sahaja maka posisi kerusi marginal ini dilihat sangat kritikal. Di dalam PRN Johor, terdapat sebanyak sepuluh kerusi Dewan

Undangan Negeri (DUN) yang boleh dikategorikan sebagai kerusi panas atau marginal seperti Buloh Kasap (N1), Pemanis (N3), Sungai Balang (N16), Semerah (N17), Parit Raja (N22), Senggarang (N24), Machap (N26), Layang-Layang (N27), Paloh (N30), dan Kukup (N56). Di dalam PRU-14, Barisan Nasional (BN) berjaya memenangi sebanyak enam daripada sepuluh kerusi panas tersebut dengan majoriti undian yang tipis. Namun sama ada BN atau blok pembangkang yang lain mampu untuk menguasai kesemua kerusi marginal tersebut di dalam PRN Johor bergantung sepenuhnya kepada beberapa faktor.

Kerusi Marginal: Pertimbangan Teoritikal

Kerusi marginal merupakan satu istilah yang sangat popular di dalam kajian sains politik terutama sekali di bawah sub disiplin politik pilihan raya dan ia juga sinonim dengan gelaran seperti 'kerusi panas'. Di dalam konteks pilihan raya di Malaysia, kesedaran dan pemahaman akademik ke atas kerusi marginal ini kurang dibahaskan di dalam bentuk kerangka teoritikal. Walaupun ia kerap kali menjadi perhatian utama di kalangan media, pemerhati politik, dan seumpamanya namun tidak banyak yang membincangkannya ke dalam bentuk yang bersifat teoritikal, sistematik dan ilmiah.

Sarjana seperti Cornford dan Dorling (1997) berhujah bahawa konsep kawasan marginal digunakan secara khusus untuk mengalihkan perhatian ke atas mana-mana kerusi yang berkemungkinan tinggi untuk bertukar tangan terutama sekali di dalam konteks pilihan raya. Ini membawa kepada andaian bahawa kerusi marginal ini membekalkan elemen-elemen kejutan kepada calon yang bertanding di sesuatu kawasan itu dan juga kepada pengundi yang mengundi di kawasan itu kerana kesan daripada proses pengundian itu membawa kepada pelbagai jenis jangkaan.

Di Malaysia, kerusi marginal ini dikenal pasti sebagai kerusi yang dimenangi secara tipis dengan jumlah di bawah seribu undian dan kerusi kategori ini

tidak melepasi garisan 'selamat'. Kadar peratusan yang keluar mengundi juga mempengaruhi corak pengundian di kerusi marginal dan kebanyakan jentera parti berusaha keras untuk memastikan agar pengundi di kawasan marginal itu keluar untuk mengundi kerana terdapat pelbagai jenis kesan daripada peningkatan pengundi yang keluar itu seperti perolehan undi popular, talian hayat kemenangan untuk calon yang bertanding dan sebagainya (Denver & Hands, 1985). Sarjana pilihan raya melihat kecenderungan kerusi marginal ini terhasil di dalam sistem pilihan raya majmuk yang melibatkan pertandingan lebih daripada dua parti (Cornford & Dorling, 1997). Seperti yang diketahui secara umum, Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya FPTP dan sistem ini memberikan kelebihan kepada pihak lawan walau dengan hanya perbezaan satu undi sahaja. Disebabkan Malaysia memiliki kemajmukan masyarakat dan komposisi etnisiti yang terdiri daripada Melayu, Cina, India, dan beberapa kaum minoriti yang lain maka penggunaan sistem FPTP dalam kerangka politik pilihan raya telah membangkitkan perdebatan mengenai pelaksanaan sistem itu yang dilihat sering kali memberikan kelebihan kepada rejim pemerintah dalam setiap pilihan raya yang diadakan.

Oleh itu, BN digambarkan secara teoritikal sebagai sebuah rejim semi autoritarian yang mendominasi tampuk pemerintahan walaupun pada hakikatnya peratusan undi popular berpihak kepada blok pembangkang. Di bawah sistem FPTP, dapatan undi popular yang tinggi tidak semestinya boleh diterjemahkan melalui peratusan kerusi yang dimenangi. Contohnya, di dalam PRU-12 yang diadakan pada 2008, blok pembangkang (PKR, PAS, dan DAP) telah berjaya meraih undi popular sebanyak 47.6 peratus dan kemudiannya meningkat kepada 50.9 peratus di dalam PRU-13. Manakala BN mencatatkan penurunan sebanyak 4.0 peratus daripada 51.4 peratus kepada 47.4 peratus di dalam PRU-13 dan PRU-12. Disebabkan BN memenangi kerusi yang lebih banyak daripada parti pembangkang maka mereka dapat membentuk kerajaan dengan lebih mudah. Walaubagaimanapun senario pendominasian itu tidak statik dan ia berubah sepenuhnya di dalam PRU-14 dan kejatuhan BN telah membuka ruang secara tidak langsung ke atas pembentukan beberapa kerusi marginal yang boleh dikenal pasti sama ada di peringkat parlimen dan DUN. Ia turut dihujahkan oleh Cornford dan Dorling (1997) bahawa persepsi ke atas kerusi marginal ini mempengaruhi sifat semula jadi persaingan pilihan raya di sesuatu kerusi itu di mana sasaran yang diperuntukkan oleh organisasi parti ke atas kerusi marginal itu adalah jelas dan sumber-sumber penting seperti dana, logistik, dan jentera parti boleh digerakkan sepenuhnya untuk menawan kerusi marginal. Kerusi marginal ini juga dilihat sebagai kerusi yang sangat signifikan dan ia

menawarkan peluang yang munasabah kepada pengundi iaitu pengundian taktikal yang lebih efektif. Oleh itu, dalam kajian ini kerangka teoritikal yang berkaitan dengan kerusi marginal akan digunakan sebagai landasan utama untuk memahami fenomena persaingan parti politik yang terlibat di dalam PRN Johor khususnya ke atas prestasi parti yang bertanding di sepuluh kerusi DUN yang dikategorikan sebagai marginal atau kerusi panas.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan menganalisis fenomena PRN Johor dengan lebih terperinci. Sebahagian daripada metodologi kajian yang digunakan adalah kajian lapangan dan temubual tidak berstruktur. Data primer yang digunakan seperti manifesto parti yang bertanding yang diperolehi sewaktu kajian lapangan dilakukan. Di dalam kaedah penyelidikan atau kajian lapangan, dihujahkan bahawa penyelidik yang terlibat di dalam kaedah tersebut merupakan sebahagian daripada instrumen pengukuran data di lapangan dan penyelidik di lapangan ini juga bersifat fleksibel ke atas data yang ingin dikumpulkan dan perakuan ke atas pemahaman dan perasaan yang bersifat subjektif. Selain itu, kajian lapangan ini juga dikenali sebagai 'kajian pemerhatian-penyertaan' dan ia merupakan teknik dan gaya kualitatif di mana penyelidik memerhati dan terlibat secara langsung ke atas sesuatu fenomena sosial yang sedang berlaku (Neuman, 2007).

Pendekatan berbentuk kajian lapangan ini juga mengambil kira penggunaan nota lapangan sebagai sebahagian daripada teknik kualitatif kajian lapangan di mana perolehan data direkodkan ke dalam bentuk nota lapangan. Nota lapangan ini merangkumi peta, fotograf, temu bual, rakaman perbualan, memo, objek dan artifak yang diperolehi di lapangan, dan nota yang ditulis dengan terperinci semasa di lapangan atau pun selepas pulang dari lapangan (Neuman, 2007). Menurut Berg (2001), nota lapangan mempersembahkan satu bentuk percubaan untuk merekodkan segala jenis pemerhatian sewaktu berada di lapangan. Untuk menguatkan lagi dapatan di lapangan, kaedah seperti temu bual tidak berstruktur juga telah digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat daripada beberapa informan di mana sebahagian besarnya merupakan pengundi yang berdaftar di Johor. Menurut David E. McNabb, temubual tidak berstruktur merupakan salah satu daripada metodologi penyelidikan kualitatif dan ia juga merupakan kaedah pengumpulan data (McNabb, 2010).

Tempoh berkempen bagi PRN Johor telah ditetapkan selama dua minggu iaitu bermula selepas proses penamaan calon pada 26 Februari 2022 dan berakhir

pada jam 12 malam pada hari pengundian iaitu 6 Mac 2022. Di dalam tempoh tersebut, penulis telah melawat beberapa lokasi yang terpilih di Johor seperti di DUN Machap (N26), Layang-Layang (N27), Semerah (N17), Sungai Balang (N16), Penggaram (N23), Maharani (N15), Gambir (N9), Simpang Jeram (N13), Serom (N11), Tangkak (N10), Yong Peng (N19), Paloh (N30), Mahkota (N29), Mengkibol (N28), Skudai (N48), Kempas (N47), Perling (46), dan Larkin (N44). Kawasan DUN yang dilawati ini terdiri daripada kawasan bandar dan luar bandar. Pada hari pengundian, penulis juga melawat beberapa Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang terpilih di kawasan DUN Machap (N26).

Hasil Dapatan

Perubahan Politik Pasca-Pru14 di Malaysia Dan Johor

Malaysia menyaksikan perubahan politik buat pertama kali di dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang diadakan pada Mei 2018 apabila Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh tiga komponen parti yang utama iaitu United Malays National Organization (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA), dan Malaysian Indian Congress (MIC) telah ditewaskan oleh gabungan parti pembangkang Pakatan Harapan (PH) yang dianggotai oleh Parti KeADILan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH), dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Fenomena PRU-14 tersebut memeranjatkan ramai pihak kerana perubahan politik pada kali ini benar-benar menggugat kedudukan BN khususnya UMNO sebagai sebuah rejim yang mampu untuk bertahan di dalam setiap pilihan raya yang diadakan. Dari sudut teoritikal, BN dihujahkan sebagai sebuah rejim semi autoritarian yang memiliki instrumen khusus untuk mengekalkan permainan dan corak politik kekuasaan mereka. Akibat dari gelombang pendemokrasian yang merentasi garisan agama, bangsa, dan kemasyarakatan namun perubahan teretus pada akhirnya dan berjaya menafikan BN daripada terus mendominasi tampuk pemerintahan. Penghujahan seperti peralihan idea baharu di dalam kerangka globalisasi juga memainkan peranan yang signifikan untuk menjelaskan perubahan yang berlaku di sebalik kejatuhan rejim semi autoritarian itu. Rentetan itu, Putrajaya jatuh ke tangan PH dan beberapa negeri di semenanjung berjaya ditawan oleh PH seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Sabah. Manakala BN hanya mampu mengekalkan Pahang dan Perlis dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) sebagai blok ketiga pembangkang berjaya mengekalkan Kelantan dan merampas semula Terengganu dari BN.

Sebanyak 222 kerusi parlimen yang ditandingi, BN hanya berjaya mendapat 79 kerusi manakala PH berjaya mencatatkan prestasi yang baik dengan menawan sebanyak 113 kerusi dan ini menjadikan blok pembangkang itu menang dengan majoriti mudah dan membolehkan mereka untuk membentuk kerajaan baharu. Dalam kalangan parti komponen PH, PKR meraih sebanyak 48 kerusi manakala DAP mencatatkan sebanyak 42 kerusi, PPBM dan AMANAH masing-masing dengan 12 dan 11 kerusi. Parti Warisan Sabah (WARISAN) di bawah pimpinan Datuk Seri Shafei Apdal berjaya memenangi 8 kerusi parlimen di Sabah. Parti komponen PH diperkukuhkan lagi di peringkat persekutuan dengan sokongan yang diberikan oleh WARISAN. PAS pula kekal selamat di bahagian semenanjung pantai timur dan Kedah dengan memperoleh sebanyak 18 kerusi parlimen iaitu sembilan di Kelantan, enam di Terengganu, dan tiga di Kedah.

Sebahagian besar pengundi mengisyaratkan tanda protes ke atas BN yang dipimpin oleh Perdana Menteri Najib Tun Razak pada ketika itu yang dilihat semakin kritikal untuk mempertahankan rejimnya dalam keadaan ketidaktentuan politik dan sosio-ekonomi yang semakin hangat diperdebatkan. Walaubagaimanapun naratif perubahan politik tidak hanya terhenti setakat PRU-14, kerajaan PH di bawah pimpinan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dari PPBM mula diuji satu persatu mengenai dasar yang diperkenalkan, malahan manifesto PH yang menjadi taruhan dalam PRU-14 mendapat perhatian kritikal secara meluas. Kerajaan PH dikecam hebat oleh blok pembangkang kerana dilihat gagal untuk menunaikan manifesto mereka.

Tekanan politik ke atas PH dikuatkan lagi apabila PAS dan UMNO mencapai kata sepakat dengan menubuhkan Muafakat Nasional (MN) secara rasminya pada September 2019 dengan tujuan untuk mengukuhkan kedudukan dan menarik sokongan orang Melayu Islam. Asas kepada pembentukan MN itu dilihat mula bertapak sedikit demi sedikit apabila PAS dan UMNO mula bergerak seiring dalam beberapa siri pilihan raya kecil (PRK) yang diadakan pada pasca-PRU14. Keutuhan dan kestabilan kerajaan PH mula dipersoalkan apabila mereka mula mencatatkan kekalahan moral dan juga gagal untuk mengekalkan kerusi dalam PRK. BN mencatatkan prestasi yang baik sekurang-kurangnya di dalam enam PRK. Dalam PRK Semenyih dan Tanjung Piai, BN berjaya merampas kerusi PH dengan majoriti besar undian. Manakala dalam PRK Cameron Highlands, Rantau, dan Slim, BN berjaya mengekalkan kerusi tersebut dengan memperoleh majoriti undi yang signifikan. Kadar keluar mengundi melebihi 65 peratus di kesemua PRK tersebut menjadi salah satu faktor utama yang membawa kepada pengukuhan sokongan BN di peringkat akar umbi.

Kejayaan UMNO menerusi PRK itu merupakan satu bentuk manifestasi ketidakpuasan hati rakyat terhadap pentadbiran PH terutama sekali di dalam hal yang melibatkan janji-janji di dalam manifesto dan juga pengurusan hidup rakyat (Nik Amirulmumin, 2019; Mohd Azmir Mohd Nizah, 2022).

Dalam konteks Johor, isu-isu berbangkit melibatkan agenda Melayu dan Islam juga dijadikan sebagai menu utama bagi blok pembangkang untuk berhadapan dengan pentadbiran PH. Contohnya apabila Menteri Besar Johor dari PH-PPBM Datuk Osman Sapian menyatakan bahawa beliau tidak akan memberikan peruntukan kepada pembangkang di Johor telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pemimpin PH kerana tindakan berikut seolah-olah mencerminkan gelagat BN. ADUN Skudai dari PH-DAP Tan Hong Ping juga memberikan peringatan kepada kerajaan PH Johor bahawa mereka tidak akan kekal bertahan sehingga ke pilihan raya umum akan datang sekiranya mereka memerintah dengan mengekalkan sikap BN (Malaysiakini, 2022b). Penghujahan ADUN Skudai mengenai tempoh waktu pentadbiran kerajaan PH di Johor itu menjadi kenyataan. Pada Februari 2020, ahli parlimen PPBM dan 11 lagi dari PKR bertindak meninggalkan kerajaan PH. Fenomena tersebut dikenali sebagai gerakan Langkah Sheraton yang memakan masa beberapa hari sehingga munculnya gabungan baharu yang terdiri daripada PPBM, UMNO, MIC, PAS, dan beberapa ahli parlimen PKR telah membentuk pakatan politik baharu yang dikenali sebagai Perikatan Nasional (PN). Krisis politik itu dirumuskan apabila Muhyiddin Yassin dari PPBM mengangkat sumpah sebagai perdana menteri baharu pada 1 Mac 2020 dan sekaligus menafikan mandat pengundi yang diberikan kepada PH. Menyukarkan lagi keadaan ketika itu apabila Malaysia mula menerima tempas global akibat daripada pandemik wabak Covid-19 dan memaksa kerajaan untuk mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh negara. Hasil daripada penstrukturan semula kuasa baharu yang berlaku di peringkat persekutuan itu, sokongan daripada kerajaan PH di Johor juga telah ditarik serta-merta. Selepas pihak Istana Johor berpuas hati bahawa terdapat gabungan baharu yang mempunyai jumlah yang mencukupi untuk membentuk kerajaan maka secara automatiknya PH diisytiharkan tumbang di Johor tanpa melalui proses pilihan raya (Nor Azura, 2020).

Jadual 1. Keputusan PRU-14 di Johor

Parti Bertanding	Jumlah Kerusi Dimenangi (Parlimen)	Jumlah Kerusi Dimenangi (Dewan Undangan Negeri)
BN	8	19
PKR (PH)	7	14
DAP (PH)	5	9
PPBM (PH)	5	8
AMANAH (PH)	1	5
PAS	0	1
Bebas	0	0
Jumlah	26	56

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2018)

PH mencatatkan prestasi yang baik di dalam PRU-14 di Johor. Kemenangan PH di Johor dan beberapa negeri selatan yang lain seperti Melaka dan Negeri Sembilan merupakan satu 'keajaiban' politik. Jika dilihat dari sudut strategi mobilisasi BN di Johor dan juga melalui pengalaman pentadbiran selama lebih daripada separuh abad, ia adalah amat mustahil untuk negeri yang dikenali sebagai 'kubu kuat' BN itu ditawan oleh PH di dalam konteks semi autoritarian yang sedang memuncak. Hanya melalui proses pilihan raya, BN telah dilorongkan jalan keluar dan sekaligus menafikan prestasi parti itu. Di peringkat parlimen, BN hanya berjaya memperoleh lapan daripada 26 kerusi yang dipertandingkan manakala PH berjaya meraih sebanyak 18 kerusi. PAS pula tidak berjaya memperoleh sebarang kerusi daripada 20 yang dipertandingkan. Dalam PH, PKR mencatatkan angka yang tertinggi iaitu sebanyak tujuh kerusi manakala DAP dan PPBM masing-masing mencatatkan lima kerusi dan AMANAH hanya kekal dengan satu kerusi sahaja. PH melakukan kejutan politik dengan merampas kerusi campuran parlimen Pasir Gudang (P159) yang disandang oleh Menteri Besar Johor Mohamed Khalid Nordin dengan majoriti sebanyak 24,726 undi. Seterusnya angin perubahan politik yang berlaku di Johor berjaya menumbangkan beberapa pemimpin utama BN.

Di parlimen Segamat (P140), Presiden MIC S. Subramaniam ditewaskan oleh calon PH-PKR dengan majoriti 5,476 undi. Di parlimen Labis (P142) calon PH-DAP menewaskan naib presiden MCA Chua Tee Yong dengan majoriti sebanyak 3,408 undi. Calon muda dan baharu seperti Syed Saddiq Syed Abdul Rahmah dari PPBM membuat kejutan di parlimen Muar (P146) dengan menewaskan bekas timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Razali Ibrahim dari BN dengan memperoleh majoriti sebanyak 6,953 undi. Mengejutkan sekali apabila Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad ditewaskan oleh calon PH-PKR di parlimen Johor Bahru (P160) dengan majoriti sebanyak 19,782 undi. Di parlimen Ayer Hitam (P148) pula,

walaupun PH tidak berjaya merampas kerusi tersebut namun calon BN-MCA Wee Ka Siong mengekalkan kerusi tersebut dengan majoriti tipis sebanyak 303 undi. Fenomena kejatuhan beberapa pemimpin kanan BN itu menandakan bahawa prestasi dan mobilisasi PH di dalam konteks politik Johor benar-benar membuahkan hasil dan ini dikuatkan lagi apabila PH memperoleh mandat dengan peratusan yang agak tinggi.

Di peringkat DUN pula, misi untuk menawan Johor dikepalai oleh PPBM di mana parti tersebut bertanding sebanyak 18 kerusi diikuti DAP sebanyak 14 kerusi manakala PKR dan AMANAH masing-masing dengan 12 kerusi. PH melalui PPBM meletakkan harapan yang tinggi untuk merampas semula 'kubu kuat' BN di Johor. Kemenangan PH di Johor sememangnya sudah diramalkan oleh pusat kajian Merdeka Centre beberapa hari sebelum hari pengundian dan kemenangan tersebut dijamin dengan hanya sokongan beberapa peratus undi Melayu yang dilihat akan beralih sokongan daripada BN ke PH. Dengan kemenangan sebanyak 36 kerusi DUN, PH berjaya membentuk kerajaan di Johor. Manakala BN dan PAS masing-masing memenangi sebanyak 19 dan satu kerusi sahaja. Pertandingan tiga penjurua yang berlaku di antara PH, BN, dan PAS mengakibatkan perpecahan undi yang ketara terutama sekali undi Melayu. Hal ini memberikan kelebihan kepada PH dengan menafikan sekaligus prestasi BN dan PAS di beberapa kerusi kategori bandar dan luar bandar. Di DUN Permas (N43), calon PH-PPBM melakukan kejutan dengan menewaskan bekas menteri besar Johor Mohamed Khaled Nordin dari UMNO dengan majoriti besar sebanyak 8,746 undi. Melayu merupakan pengundi terbesar di kawasan tersebut sekitar 55.2 peratus dan jumlah keluar mengundi yang besar sekitar 53,925 (85.5%) telah berjaya dimenangi oleh PH. Selain itu, bekas ketua UMNO Kluang Md Jais Sardy turut ditewaskan oleh PH di DUN Mahkota (N29).

Keputusan yang diambil oleh tiga ADUN UMNO di Johor untuk menyertai PPBM seperti ADUN Johor Lama (N37) Rosleli Jahari, ADUN Endau (N32) Alwiyah Talib, dan ADUN Sedili (N36) Rasman Ithnain telah menguatkan lagi barisan kepimpinan PH di peringkat negeri serta mengukuhkan lagi majoriti yang diperoleh semasa di dalam PRU-14. Fenomena penghijrahan ahli UMNO keluar parti ini juga berlaku di luar konteks Johor seperti di Melaka apabila bekas ketua puteri UMNO yang merupakan ahli parlimen Masjid Tanah Mas Ermieyati Samsudin memilih untuk menyertai PPBM pada Disember 2018 dan beberapa ahli parlimen UMNO yang lain seperti ahli parlimen Larut Hamzah Zainudin, ahli parlimen Hulu Terengganu Rosol Wahid, ahli parlimen Mersing Abdul Latiff Ahmad, ahli parlimen Tasik Gelugor Shabudin Yahaya, ahli parlimen Sabak Bernam Mohamad Fasihah Mohd Fakeh, dan ahli

parlimen Tanah Merah Ikmal Hisham Abdul Aziz. Implikasi PRU-14 juga memberikan tekanan politik ke atas UMNO Johor apabila akaun parti dibekukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disebabkan oleh keterlibatan parti dengan skandal kewangan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dipercayai merupakan punca utama yang membawa kepada kejatuhan BN di bawah pimpinan Najib Razak di dalam PRU-14.

Keputusan PRN Johor

Dalam PRN Johor yang diadakan pada 12 Mac 2022, BN telah berjaya mencipta kejutan politik. Di saat negara sedang menyaksikan peningkatan jumlah kes berjangkit Covid-19 yang mendadak, BN berjaya memposisikan kedudukan mereka melalui jalan pilihan raya dan diberikan mandat untuk memerintah. Daripada 56 kerusi DUN yang dipertandingkan, BN berjaya memenangi sebanyak 40 kerusi dan perolehan tersebut melebihi sasaran dua pertiga. PH pula bersama parti baharu iaitu Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) yang diketuai oleh ahli parlimen Muar Syed Saddiq Syed Abdul Rahman telah mengalami kekalahan teruk dengan hanya berjaya mengekalkan sebanyak 13 kerusi sahaja. Lebih mengejutkan lagi, PKR hanya berjaya memenangi kerusi DUN Bukit Batu (N51) dengan majoriti tipis sebanyak 137 undi. Di DUN Simpang Jeram (N13), calon AMANAH Salahuddin Ayub menewaskan BN dengan majoriti sebanyak 2,399 undi manakala muka baharu dari MUDA iaitu Amira Aisyah membuat kemunculan sulung dengan menafikan kemenangan BN di DUN Puteri Wangsa (N41) dengan majoriti yang agak selesa iaitu sebanyak 7,114 undi. Selain itu, isu pertembungan calon melibatkan PKR dan MUDA di DUN Larkin (N44) secara tidak langsung telah membuka ruang untuk BN memenangi kerusi tersebut dengan jumlah undian yang besar di samping penyertaan beberapa parti pembangkang lain yang turut menyumbang kepada perpecahan undi. DAP pula mencatatkan prestasi yang merosot dengan hanya berjaya memenangi sebanyak 10 daripada 14 kerusi yang dipertandingkan di beberapa kawasan bandar dan luar bandar.

Namun begitu, keputusan ini menjadikan DAP sebagai parti yang dominan dalam kalangan parti komponen PH+MUDA di DUN Johor. Nasib juga tidak menyebelahi parti komponen PN seperti PPBM dan PAS di mana hanya setakat 3 kerusi sahaja yang berjaya dimenangi. PPBM mencatatkan kemenangan di DUN Bukit Kepong (N7) dan Endau (N32) dan PAS pula berjaya merampas DUN Maharani (N15) daripada penyandang kerusi itu sebelum ini iaitu Nor Hayati Bachok dari AMANAH. Kerusi tunggal yang pernah

dimenangi oleh PAS di dalam PRU14 iaitu DUN Bukit Pasir (N8) telah jatuh ke tangan BN dengan majoriti tipis sebanyak 198 undi. Perkembangan mengejut seperti kejatuhan kerusi DUN Gambir (N9) ke tangan BN juga mendapat perhatian orang ramai. Kerusi tersebut dimenangi oleh Presiden PPBM Muhyiddin Yassin di dalam PRU14 namun beliau membuat keputusan untuk tidak mempertahankan kerusi tersebut di dalam PRN Johor. Akibat perpecahan undi yang ketara di antara PN, PH, dan Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), kerusi itu dengan mudah ditawan oleh BN dengan kadar peratusan keluar mengundi sebanyak 59.4 peratus. Prestasi PN di dalam PRN Johor sudah dijangkakan pada awalnya di mana parti itu hanya mampu memperoleh tidak lebih daripada empat kerusi DUN (Informan J, Skudai, 2022: temu bual). Naratif penerimaan pengundi terhadap PPBM telah berubah sepenuhnya di dalam PRN Johor yang berbeza prestasi dengan memenangi lapan kerusi DUN dalam PRU14. Pengundi Melayu mula beralih arah kepada BN juga boleh dijadikan sebagai justifikasi kemerosotan PPBM di dalam konteks PRN Johor.

Keadaan ini menyukarkan lagi mobilisasi parti-parti lain seperti Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), Parti Warisan Sabah (WARISAN), Parti Bangsa Malaysia (PBM), Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA), dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk mengorak langkah di dalam konteks politik tempatan kerana kesemuanya tidak berjaya memenangi sebarang kerusi malahan ada yang kehilangan deposit pertandingan. PEJUANG yang diasaskan pada Ogos 2020 oleh Tun Dr Mahathir Mohamad tidak berjaya menambat hati pengundi Johor di kesemua 42 kerusi DUN yang ditandingi. Kekalahan parti itu disebabkan oleh kesilapan seperti terlalu memberikan penekanan ke atas isu-isu yang berkait rapat dengan rasuah dan salah laku dan kurang memberikan perhatian kepada permasalahan pokok yang dihadapi oleh rakyat Johor seperti isu pengangguran, isi rumah, dan sebagainya (Noor Atiqah, 2022).

Jadual 2. Keputusan PRN Johor

Parti Bertanding	Kerusi Bertanding	Kerusi Menang
BN	56	40
PH+MUDA	57	13
PN	56	3
PEJUANG	42	0
Bebas	16	0
WARISAN	6	0
PBM	4	0
PUTRA	1	0
PSM	1	0
Jumlah Kerusi		56

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022)

Trend Pengundian dan ‘Kerusi Marginal/Panas’

Dalam PRN Johor, sejumlah 2,599,797 juta pengundi berdaftar telah direkodkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan 2.57 juta merupakan pengundi yang terdiri dari kalangan orang awam manakala 10,958 pula ialah anggota tentera dan 11,578 ialah anggota polis. Jumlah pengundi di seluruh Johor sekitar dua juta lebih itu turut dipengaruhi oleh penambahan sebanyak 749,731 atau 28 peratus pengundi baharu berusia 18 tahun ke atas berikutan pendaftaran automatik Undi 18. Ini membangkitkan pelbagai naratif dan persepsi sama ada pengundi baharu ini mampu untuk mencorakkan perubahan politik atau pun tidak.

Jadual 3. Keputusan Kerusi Marginal di Dalam PRU-14 dan PRN Johor

Kerusi DUN	Pemenang PRU-14	Pemenang PRN Johor
N1 Buloh Kasap	BN-UMNO Majoriti: 877 undi	BN-UMNO Majoriti: 5,377 undi
N3 Pemanis	PH-PKR Majoriti: 363 undi	BN-UMNO Majoriti: 4,187 undi
N16 Sungai Balang	BN-UMNO Majoriti: 174 undi	BN-UMNO Majoriti: 2,293 undi
N17 Semerah	PH-PKR Majoriti: 98 undi	BN-UMNO Majoriti: 4,041 undi
N22 Parit Raja	BN-UMNO Majoriti: 638 undi	BN-UMNO Majoriti: 4,219 undi
N24 Senggarang	PH-AMANAH Majoriti: 809 undi	BN-UMNO Majoriti: 3,912 undi
N26 Machap	BN-UMNO Majoriti: 404 undi	BN-UMNO Majoriti: 6,543 undi
N27 Layang-Layang	BN-UMNO Majoriti: 364 undi	BN-UMNO Majoriti: 2,815 undi
N30 Paloh	PH-DAP Majoriti: 783 undi	BN-MCA Majoriti: 3,176 undi
N56 Kukup	BN-UMNO Majoriti: 862 undi	BN-UMNO Majoriti: 8,201 undi

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022)

Dalam PRU-14, PH dan BN masing-masing berjaya memenangi sebanyak empat dan enam daripada sepuluh kerusi marginal dengan majoriti undi di bawah seribu. Kadar peratusan keluar mengundi yang tinggi iaitu sebanyak 84.5 peratus daripada 1,817,995 pengundi berdaftar di Johor memberikan kelebihan yang berganda

kepada PH terutama sekali apabila berlakunya perpecahan dan pertandingan lebih daripada dua penjurur. Walaupun BN berjaya menguasai sebanyak enam kerusi marginal namun itu tidak menghalang PH untuk membentuk kerajaan di Johor dengan mengambil kira beberapa kerusi tradisional BN lain yang telah dirampas dengan mencatatkan undian kemenangan dengan melepasi garisan marginal satu ribu. Fenomena kerusi marginal ini tidak hanya tertumpu di kerusi DUN sahaja. Seperti contoh, majoriti terkecil juga turut direkodkan di kerusi parlimen Ayer Hitam (P148) di mana calon BN-MCA Wee Ka Siong berjaya menafikan kemenangan PH dengan majoriti sebanyak 303 undi.

Di DUN Semerah (N17), PH berjaya menewaskan BN dengan majoriti sebanyak 98 undi dan ini menjadikan DUN tersebut sebagai satu-satunya kerusi marginal yang paling terendah di Johor. Di dalam PRN Johor pula, BN berjaya mengubah naratif marginal tersebut dengan merampas kesemua sepuluh kerusi tersebut dengan mencatatkan jumlah undian melepasi garis seribu. Dalam erti kata lain, BN menang dengan selesa. Di DUN Kukup (N56), BN menawan kerusi tersebut dengan jumlah sebanyak 8,201 undi dan ini menjadikan kerusi tersebut sebagai kerusi marginal yang dimenangi dengan kadar undian yang paling tinggi berbanding kerusi marginal yang lain. Pengundi di DUN Kukup mula menampakkan kecenderungan mereka kepada BN di dalam pilihan raya kecil (PRK) Tanjung Piai yang diadakan pada November 2019 apabila calon BN menewaskan PH sebanyak 25,466 undi. Trend pengundian tersebut diujulkan sebagai satu bentuk 'referendum' dan peringatan ke atas pentadbiran PH dan kepimpinan Mahathir Mohamad secara khususnya (Tappsell 2020). Manakala di DUN Sungai Balang (N16) pula, calon PN, PH, dan PEJUANG ditewaskan oleh BN dengan majoriti sebanyak 2,293 undi dan DUN tersebut mencatatkan jumlah majoriti terendah di antara kerusi marginal. Di DUN Layang-Layang (N27) pula, persaingan di antara BN dan PH kelihatan sengit di mana kerusi tersebut menjadi satu tumpuan kritikal disebabkan oleh calon PH yang bertanding seperti Maszlee Malik yang merupakan ahli parlimen Simpang Renggam. Di dalam PRU14, Maszlee Malik memenangi kerusi tersebut dengan majoriti sebanyak 3,475 undi walaupun kedua-dua DUN di bawah parlimen itu iaitu Layang-Layang (N27) dan Machap (N26) dimenangi oleh BN. Ini jelas memperlihatkan bahawa keputusan yang diambil oleh Presiden PKR Anwar Ibrahim untuk meletakkan Maszlee Malik di DUN tersebut tidak berjaya dan malah di saat BN mengusahakan pertukaran calon iaitu Onn Hafiz Ghazi dari Layang-Layang ke Machap dilihat memberikan keuntungan kepada BN. Pengujuhan ke atas kekalahan Maszlee Malik dikuatkan lagi apabila bekas calon DUN tersebut iaitu Onn Hafiz Ghazi mempersoalkan kegagalan kerajaan PH sebelum

ini untuk mengotakan janji-janji pilihan raya yang pernah dibuat dan pada akhirnya akan menimbulkan kemarahan pengundi dan membuka laluan kemenangan bagi BN di Layang-Layang (Mohamad, 2018).

Analisis Prestasi dan Kemenangan BN

Implikasi PRU-14 bukan satu pengakhiran politik bagi BN. Seperti yang diujulkan, masih terlalu awal untuk melihat kejatuhan BN terutama sekali UMNO berkekalan untuk satu jangka waktu yang panjang dan nasib politik boleh berubah pada bila-bila masa (Funston, 2018). Pengujuhan tersebut ternyata benar di mana BN membuat kemunculan semula secara drastik. Bermula dengan kemenangan di dalam beberapa siri PRK pada pasca-PRU14 dan seterusnya kepada pembentukan kerajaan melalui jalan Langkah Sheraton, dan memperoleh mandat melalui proses pilihan raya di dalam beberapa PRN. Walaupun BN pernah ditewaskan dalam PRU-14 namun ia tidak mengubah fakta bahawa parti berikut masih lagi memiliki sumber politik yang besar dan luas serta mempunyai barisan kepimpinan yang berpengalaman di dalam selok-belok politik. Prestasi PH semasa menjadi kerajaan selama 22 bulan telah dijadikan sebagai modal politik bagi BN untuk berterusan menidakkan prestasi blok pembangkang tersebut pada pasca-PRU14. Di dalam konteks PRN Johor, terdapat beberapa faktor signifikan yang menjelaskan kebangkitan semula BN dan catatan prestasi pilihan raya BN yang memberangsangkan khususnya di beberapa kawasan yang dikenali sebagai kerusi marginal.

Umum mengetahui bahawa kemenangan BN boleh disandarkan melalui pengujuhan tipikal seperti yang selalu diperdebatkan oleh penganalisis, pemerhati politik, orang awam dan sebagainya iaitu berkenaan dengan kadar peratusan keluar mengundi yang rendah dan BN memenangi PRN Johor dengan kadar keluar mengundi sebanyak 54.9 peratus. Jumlah tersebut adalah sedikit rendah berbanding 65.8 peratus seperti yang direkodkan di dalam PRN Melaka 2021. Di dalam PRN Johor, sokongan yang diberikan kepada BN adalah sebanyak 23 peratus daripada keseluruhan pengundi Johor yang berdaftar. Seperti yang diujulkan, bekas menteri besar Johor Hasni Mohammad melihat bahawa trend penurunan tersebut dipengaruhi oleh kebimbangan orang ramai terhadap penularan wabak Covid-19 yang dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa. Walaubagaimanapun pandangan seperti peratusan keluar mengundi rendah yang akan menguntungkan BN telah dijangkakan sebelum hari pengundian (Faiz, 2022). Jumlah yang tidak keluar mengundi sebanyak 45.08 peratus itu bukan hanya setakat berjaya memenangkan BN dengan memperoleh dua pertiga daripada kesemua 56 kerusi DUN yang dipertandingkan malah ia

memberikan kesan politik yang serius kepada parti-parti lain. Di antara implikasi yang paling ketara adalah ke atas blok pembangkang PH di mana mereka gagal untuk mempertahankan kerusi status quo mereka dengan jumlah undian yang agak signifikan diraih oleh BN. Malah parti-parti seperti PEJUANG, WARISAN, PBM, PUTRA, dan PSM turut kehilangan deposit mereka di dalam PRN Johor. Kegusaran mengenai jumlah peratusan keluar mengundi yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh SPR ini juga pernah dibangkitkan dan secara teoritikal dan praktikal ia akan memberikan kelebihan kepada BN untuk merampas kembali kerusi yang pernah mereka tewas di dalam PRU-14 (Shahrudin, 2022). Seperti contoh di kerusi DUN Machap (N26), terdapat beberapa Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang dipenuhi oleh golongan berusia dan warga emas dan tidak ramai pengundi muda yang hadir sewaktu hari pengundian.

Naratif kestabilan politik yang dibawa oleh BN telah berjaya memikat hati pengundi. Ia juga dijadikan sebagai penggerak utama di dalam strategi mobilisasi berkempen BN. Seperti yang boleh dilihat di sebahagian besar poster dan kain rentang di kerusi DUN marginal yang ditandingi oleh BN, kesemuanya dihiasi dengan mantera kestabilan politik. Momentum ini sebenarnya sudah mula digerakkan oleh BN sewaktu mereka mencatatkan kemenangan pertama mereka pada pasca-PRU14 di dalam PRK Cameron Highlands dan momentum tersebut dieksport ke PRK Semenyih, Rantau, dan seterusnya. Seperti yang pernah dinyatakan oleh ahli parlimen Bera Ismail Sabri, melalui proses PRK tersebut BN mula membangkitkan isu-isu rakyat yang tidak diselesaikan sewaktu PH memerintah seperti peningkatan kos hidup, kenaikan harga barang, dan janji-janji di dalam manifesto PH yang masih lagi belum ditunaikan dan momentum ini berpaksikan kepada hal-hal yang melibatkan permasalahan rakyat (Ismail, 2019). Menguatkan lagi hujah ini, sebahagian besar pengundi di beberapa kerusi marginal ini turut menyatakan bahawa mereka mengidamkan kestabilan politik dan juga kemajuan pembangunan (Informan D, 2022). Oleh itu, pengundi melihat konsep kestabilan politik yang ditawarkan oleh BN di dalam kerangka pengalaman pentadbiran. Semenjak Ismail Sabri dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9 yang baharu dari UMNO, isu kestabilan politik terus menyelubungi proses pemerintahan baik di peringkat pusat mahupun negeri dan naratif kestabilan politik tersebut mula disandarkan di dalam PRN Melaka yang diadakan pada November 2021 di mana BN berjaya mencatatkan kemenangan dua pertiga dan di dalam PRN Johor, naratif yang sama pula berjaya mengangkat kedudukan parti itu dengan kadar yang sama.

Malah melalui rekod pentadbiran pada masa lalu juga dijadikan sebagai pengikat utama bagi pengundi untuk memilih BN di atas kecekapan mereka menguruskan aspek ekonomi yang berkait rapat dengan kebajikan rakyat (Informan H, 2022). Seperti di kerusi marginal DUN Semerah (N17), calon BN diposisikan melalui ungkapa kestabilan masa depan secara sistematik dengan menggunakan pendekatan bahasa Melayu, India, dan Cina. Di kerusi marginal DUN Machap (N26) dan Layang-Layang (N27), idea kestabilan politik diperkuatkan lagi melalui papan tanda besar yang diletakkan di beberap lokasi yang strategik dengan berwajahkan imej mantan menteri besar Johor Hasmi Mohammad yang bercerita mengenai kejayaan yang pernah disumbangkan oleh Johor. Tambahan pula, idea kestabilan politik yang dibawa oleh BN telah berjaya menenggelamkan prestasi PH sebagai kerajaan selama 22 bulan dan penolakan pengundi ke atas PH juga dikatakan berpunca daripada janji-janji manifesto yang tidak ditepati dan hal ini malah disepakati oleh kebanyakan pengundi yang cenderung untuk mengundi BN, seperti contoh di DUN Machap dan Layang-Layang, calon BN telah dimenangkan oleh kebanyakan pengundi yang merasa tertipu dengan pentadbiran PH selama 22 bulan (Informan K, 2022).

Selain itu, kemenangan BN di kawasan marginal juga turut disumbangkan oleh sentimen anti-DAP. Hasil daripada pemerhatian lapangan dan temu bual bersama beberapa orang pengundi, kajian ini mendapati bahawa sentimen anti-DAP ini masih lagi mendominasi terutama sekali di beberapa kerusi marginal yang dikategorikan sebagai kerusi luar bandar (Informan K, 2022; Informan L, 2022). Ia dihujahkan bahawa keberadaan DAP di dalam PH memberikan kesan secara tidak langsung untuk mempengaruhi pengundi dengan mengeneipkan calon PH yang bertanding di kerusi marginal. Kebanyakan pengundi melihat bahawa BN merupakan satu-satunya alternatif yang diperlukan untuk mentadbir kerajaan Johor dan BN juga dianggap sebagai 'pelindung' kepada kepentingan orang Melayu di Johor. Malah kajian ini juga tidak menolak kemungkinan bahawa trend dan sentimen anti-DAP ini juga wujud di luar konteks kerusi marginal. Penolakan terhadap DAP ini jelas dibuktikan apabila calon PH dari DAP Sheikh Omar Ali gagal mengekalkan kemenangannya di kerusi marginal N30 Paloh dan ditewaskan oleh BN dengan majoriti sebanyak 3,176 undi dan kerusi campuran kategori luar bandar itu mengukuhkan lagi prestasi BN untuk menggempur blok pembangkang. Selain kerusi Paloh (N30), DAP juga kehilangan sekurang-kurangnya tiga kerusi lagi kepada calon MCA iaitu Yong Peng (N19), Bekok (N6), dan Pekan Nanas (N55). Fenomena berikut menunjukkan bahawa terdapatnya peralihan sokongan akar umbi daripada DAP-PH ke MCA-BN. Naratif pempolitan sentimen anti-DAP ini bukan satu

perkara baharu di dalam senario politik Malaysia. Semasa pasca-PRU14, sentimen anti-DAP ini kerap kali dimainkan oleh blok pembangkang pada waktu itu dengan berhujah bahawa kepentingan orang Melayu Islam akan terancam sekiranya kerajaan PH yang dilihat seolah-olah didominasi oleh DAP yang diketuai oleh majoriti orang Cina mendapat kuasa politik (Funston, 2018). Muhamad Takiyuddin (2020) juga berhujah bahawa DAP merupakan salah satu daripada beberapa punca utama yang membawa kepada fenomena Langkah Sheraton di atas 'keangkuhan kuasa' yang dipamerkan oleh mereka semasa menjadi kerajaan selama 22 bulan. Jadi tidak mustahil untuk diujahkan bahawa sentimen anti-DAP itu kerap kali dipertonton terutama sekali dalam kalangan orang Melayu Islam yang sensitif akan sebarang bentuk campur tangan ke atas institusi-institusi yang berkaitan dengan kepentingan bangsa dan agama. Oleh itu, kesetiaan pengundi Melayu luar bandar kepada BN diikat dengan sentimen anti-DAP yang tebal dan ini secara tidak langsung menjadikan PH sebagai bukan pilihan utama di dalam kerangka politik Johor. Seperti yang pernah diujahkan, setiap kerusi marginal itu mempunyai signifikan yang tersendiri dan pengundi Melayu memainkan peranan yang kritikal di dalam usaha untuk memenangi kerusi marginal (Hau & Chang, 2021). Dalam erti kata lain, teori 'simpanan tetap' pengundi Melayu luar bandar masih lagi sinonim sebagai talian hayat utama bagi BN khususnya UMNO di Johor.

Kesimpulan

Keputusan PRN Johor 2022 ini mengesahkan bahawa eksperimen politik yang diolah oleh BN ternyata membuahkan hasil. Walaupun ia disifatkan sebagai satu kemenangan sederhana di peringkat negeri namun ia dilihat signifikan untuk menilai corak dan prestasi BN pada masa akan datang. Keputusan PRN Johor ini telah berjaya melorongan jalan untuk Barisan Nasional (BN) membuat kemunculan semula sekurang-kurangnya sebagai rejim semi autoritarian yang berwajahkan pendekatan lebih terbuka berbanding sebelum PRU14. Mengungkap kembali hujah yang ditawarkan di dalam kajian ini, posisi dan fenomena kerusi marginal memberikan kelebihan kepada BN di dalam konteks persaingan pilihan raya umum akan datang. Selain itu, kemasukan pengundi muda baharu bukan satu jaminan bahawa PH boleh mengekalkan *status quo* mereka seperti di dalam PRU14 dengan merampas Johor daripada BN. Data-data primer yang didapati juga tidak ketinggalan menyokong secara substantif berkenaan dengan beberapa faktor penting yang melorongan jalan bagi penguasaan semula BN ke atas kerusi marginal dan Johor secara umumnya. Antaranya seperti perpecahan blok pembangkang dan pertandingan melebihi dua penjurua memberikan kelebihan berganda kepada BN

untuk mencatatkan prestasi yang baik. Tidak kurang pula dengan naratif seperti kestabilan politik yang menarik sokongan pengundi dan penyokong di peringkat akar umbi untuk memilih BN sebagai alternatif baharu di Johor. Walaupun peratusan undi popular memihak kepada blok pembangkang tetapi disebabkan Malaysia mengamalkan sistem pilihan raya 'first-past-the-post' maka BN telah dimenangkan secara semula jadi oleh sistem tersebut. Selain itu, kemenangan BN juga disumbang secara tidak langsung oleh sentimen anti-DAP yang menebal di kalangan pengundi Melayu luar bandar. Fenomena sebegini menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimanakah BN mampu untuk kembali berkuasa di Johor walaupun pernah dinafikan kekuasaan di dalam PRU14. Implikasi ini mengukuhkan lagi landasan teoritikal yang memperlihatkan kedudukan sistem politik Malaysia yang sinonim dengan pendekatan autoritarianisme kompetitif (Levitsky & Way, 2010).

Rujukan

- Berg, B. (2001). *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*. Allyn & Bacon.
- Cornford, J., & Dorling, D. (1997). Crooked Margins and Marginal Seats. *British Elections & Parties Review*, 7(1), 74-90.
- Denver, D. & Hands, G. (1985). Marginality and Turnouts in General Elections in the 1970s. *British Journal of Political Science*, 15(3), 381-388.
- Faiz Zainudin. (2022, Mac 8). PRN Johor: Peratusan Keluar Undi Rendah Untungkan UMNO-BN, kata Muhyiddin. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/temapatan/2022/03/08/prn-johor-peratusan-keluar-undi-rendah-untungkan-umno-bn-kata-muhyiddin/>
- Funston, J. (2018). Malaysia's 14th General Election (GE14): The Contest for the Malay Electorate. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 57-83.
- Hau, C.C. & Chang, C.Y. (2021). Contest Over The Malay Votes in the Marginal State Seats of Perak: A Case Study of N43 Tualang Sekah. *Kajian Malaysia*, 39(1), 1-24.
- Informan A. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Permas. Temu bual. Permas, Johor.
- Informan B. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Parit Raja. Temu bual. Parit Raja, Johor.
- Informan C. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Parit Raja. Temu bual. Parit Raja, Johor.
- Informan D. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Sungai Balang. Temu bual. Sungai Balang, Johor.

- Informan E. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Larkin. Temu bual. Larkin, Johor.
- Informan F. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Kota Iskandar. Temu bual. Kota Iskandar, Johor.
- Informan G. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Permas. Temu bual. Permas, Johor.
- Informan H. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Gambir. Temu bual. Gambir, Johor.
- Informan I. (2022, Mac 9). Pengundi di DUN Maharani. Temu bual. Muar, Johor.
- Informan J. (2022, Mac 10). Ahli Strategi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Temu bual. Skudai, Johor.
- Informan K. (2022, Mac 12). Pengundi di DUN Machap. Temu bual. Simpang Renggam, Johor.
- Informan L. 2022. Pengundi di DUN Machap. Temu bual. 12 Mac. Simpang Renggam, Johor.
- Ismail Sabri. (2019, Mac 30). Ahli Parlimen Bera dari UMNO. Temu bual. Rantau, Negeri Sembilan.
- Levitsky, S & L. A. Way. (2010). *Competitive Authoritarianism: Hybrid Regimes after the Cold War*. Cambridge University Press.
- Malaysiakini. (2022a, Januari 16). Khaled: Melaksanakan PRN Johor adalah satu tanggungjawab. *Malaysiakini*. www.malaysiakini.com/news/607109
- Malaysiakini. (2022b, Mei 13). Harapan tak perintah lebih 5 tahun jika bersikap seperti BN. *Malaysiakini*. www.malaysiakini.com/news/424629
- McNabb, D.E. (2010). *Research Methods for Political Science: Quantitative and Qualitative Approaches*. Routledge.
- Mohamad Fadli. (2022, Mac 4). Maszlee pembohong, pengundi Simpang Renggam pasti akan 'jatuh hukum' pada PRN Johor, kata Onn Hafiz. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/temapatan/2022/03/04/maszlee-pembohong-pengundi-simpang-renggam-pasti-akan-jatuh-hukum-pada-prn-johor-kata-onn-hafiz/>
- Mohd Azmir Mohd Nizah. (2022). *Persaingan Politik dan Pilihan Raya*. Nilai: Ilham Books.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2020). Bagaimana DAP Membuka Jalan Kepada Langkah Sheraton? Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Suffian Mansor. (pnyt.). *Tujuh Hari Panjang Langkah Sheraton*. Penerbit Universiti Malaya.
- Neuman, W. L. (2007). *Basics of Social Research: Qualitative and Quantitative Approaches*. Allyn and Bacon.
- Nik Amirulmumin Nik Min. (2019, Mac 3). BN menang di Semenyih: Kerajaan Melayu, Islam-Wan Rosdy. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/15941/EDISI/Pahang/BN-menang-di-Semenyih-Kejayaan-Melayu-Islam-Wan-Rosdy>
- Nor Azura Md Amin. (2022, Februari 27). Pakatan Harapan tumbang di Johor. *Malaysiakini*. <https://www.sinarharian.com.my/article/71778/KHAS/Peralihan-Kerajaan/Pakatan-Harapan-tumbang-di-Johor>
- Noor Atiqah Sulaiman. (2022, Mac 18). PEJUANG masih relevan-Dr Mahathir. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/935736/pejuang-masih-relevan-dr-mahathir>
- Shahrudin Md Salleh. (2022, Mac 12). Calon Parti Pejuang Tanah Air Malaysia (PEJUANG) di DUN Machap. Temu bual. Simpang Renggam, Johor.
- Tapsell, R. (2020). Malaysia in 2019: A Change of Government Without Regime Change. Dlm *Southeast Asian Affairs 2020*, In (Eds) Malcolm Cook and Daljit Singh, pp. 191-208. ISEAS-Yusof Ishak Institute.